

Keperluan penting pelbagai sektor



Program kewangan Islam salah satu cabang memantapkan ekonomi negara

Menyedari prospek kewangan Islam yang semakin tinggi, Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Pengajian Profesional MSU mengambil inisiatif menganjurkan MSU Islamic Finance Conference (MIFCo 2015) yang telah dihadiri lebih 700 peserta, terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi dalam bidang berkaitan, pemain industri, dan para akademik.

Program sehari itu mengupas pelbagai isu dan perspektif, antaranya perkongsian mengenai prospek dan hala tuju kewangan Islam, perkongsian idea daripada pemain industri tentang pasaran kerja, serta senario kewangan Islam dari kaca mata dunia.

Selaku tuan rumah, konferen itu dirasmikan Presiden MSU Prof Tan Sri Dr Mohd Shukri Ab Yajid. Dalam ucapannya beliau berkata, program itu adalah platform untuk bertukar pandangan dan idea mengenai perkembangan terkini dan mengenal pasti isu dan cabaran dalam mendepani kewangan Islam pada era abad ke-21.

"Salah satu objektif konferen kali ini adalah untuk menggalakkan amalan kewangan Islam dalam kalangan masyarakat. Selain dari itu ia menjadi peluang kepada peserta, dan pemain industri untuk berinteraksi secara dua hala, dalam mencari solusi dan pandangan dari perspektif profesional," katanya.

Dalam kata-kata aluannya juga Dr Mohd Shukri, berkata melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP) negara menyasarkan peningkatan pendaftaran pelajar dalam pendidikan kewangan Islam dari jumlah 6,000 ketika ini kepada 54,000 menjelang 2020.

Oleh sebab itu katanya, institusi seperti MSU giat menawarkan pelbagai program latihan kewangan Islam untuk membangunkan profesional kewangan Islam, sekali gus memupuk kepimpinan pemikiran kewangan Islam.

Merujuk kepada Indikator Pertumbuhan Kewangan Islam (IFDI) yang dikeluarkan oleh Islamic Corporation of the Development of the Private Sector iaitu sebuah affiliate Bank Pembangunan Islam (IDB) Arab Saudi menunjukkan Britain menjuarai sektor pendidikan global dalam kewangan



Islam dengan lebih 68 institusi yang menawarkan kursus kewangan Islam dan 25 universiti yang menawarkan program ijazah sarjana muda pengkhususan dalam kewangan Islam.

Merujuk kajian daripada Kuwait Finance House (KFH) dan Malaysia International Islamic Finance Centre (MIFC), negara memerlukan lebih kurang 50,000 tenaga mahir dalam bidang kewangan Islam menjelang 2020. Manakala sumber dari Institut Perbankan dan Kewangan Islam (IBFIM) pula menjelaskan terdapat kira-kira 30,000 sahaja profesional perbankan Islam

daripada keseluruhan 130,000 pekerja di lebih 50 buah bank di negara ini.

Bagi memperincikan lagi persoalan berkaitan kewangan Islam dalam kalangan kampus untuk skop daya saing, sambutan pelajar dan pandangan ramai, *Isu Kampus* juga mendapatkan pandangan daripada pensyarah kanan dari universiti awam dan MSU sendiri.

Para peserta juga melahirkan rasa bertuah kerana berpeluang mengikuti konferen yang penuh bermakna ini. Ia medan perkongsian ilmu membantu pelajar memantapkan lagi kefahaman.

Peluang kerjaya cerah

KEBANYAKAN masyarakat dan penuntut IPT tidak memahami secara mendalam mengenai kewangan Islam. Ada kalangan mereka beranggapan kewangan Islam lebih kurang sama dengan sistem kewangan konvensional.

Pensyarah Jabatan Perakaunan dan Kewangan, Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Pengajian Profesional Management and Science University (MSU), Wan Mohd Ashraf Adlin Wan Draman berkata, bidang ini mempunyai potensi dan masa depan cerah disebabkan peluang pekerjaan yang banyak.

Katanya, ini kerana Malaysia sedang berusaha menjadi hab kepada kewangan Islam global. Tambahan pula kebanyakan negara-negara Barat mula menunjukkan minat terhadap kewangan Islam. Pemahaman terhadap sistem kewangan Islam yang menyeluruh boleh membantu mewujudkan keadilan sosioekonomi dan kesaksamaan pengagihan pendapatan. Antara negara yang berjaya dalam mengaplikasikan sistem ini seperti Bahrain, Kuwait dan Arab Saudi.

"Ketika ini industri kewangan Islam di Malaysia berkembang pada kadar purata 20 peratus setahun, ia menjadi segmen paling pantas berkembang dalam industri kewangan, di samping wujudnya pensijilan dan pengiktirafan dalam kewangan Islam di peringkat dalam dan luar negara.

"Walau bagaimanapun kepesatan ini tidak selari dengan saluran bagi pembangunan kerjaya yang masih jauh ketinggalan, terutama di peringkat institusi-institusi kewangan Islam di Malaysia. Justeru, keperluan kepada kumpulan profesional dan pakar dalam bidang kewangan Islam bagi pasaran domestik dan global amat kritikal," katanya.

MSU sebagai contoh antara universiti terbaik di Malaysia yang menyokong dasar kerajaan dengan menawarkan program-program pengajian menjurus kepada melahirkan graduan-graduan yang kompeten bagi industri kewangan Islam. Wan Mohd Ashraf berpengalaman mengajar lima tahun dalam bidang ekonomi Islam dan dua tahun dalam kewangan Islam.



WAN MOHD ASHRAF ADLIN

Platform membangunkan ekonomi Islam

PROGRAM-program yang dirancang untuk pelajar jurusan kewangan Islam mampu membawa perubahan besar kepada landskap kewangan Islam melalui graduan berkualiti yang berlatarbelakangkan kewangan Islam.

Justeru, tidak hairan kini IPTS di Malaysia juga mula menawarkan program kewangan Islam disebabkan kehendak pasaran masa kini memerlukan ramai pekerja dalam sektor kewangan Islam.

Namun bagi memastikan pelaksanaan kewangan Islam di Malaysia mampu membawa perubahan besar kepada landskap kewangan negara, konsep naqli dan aqli perlu wujud dalam program kewangan Islam yang ditawarkan oleh mana-mana universiti sama ada IPTA atau IPTS.

Menurut pensyarah Fakulti Ekonomi dan Muamalat Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Dr Mohd Faisal Ibrahim, Usim adalah satu-satunya IPTA yang menerapkan aplikasi naqli dan aqli dalam program mereka berkaitan kewangan Islam. Jelasnya, penuntut program ini akan diberi pendedahan yang luas

tentang empat subjek utama iaitu Teologi Islam, Usul Fiqh, Fiqh Muamalat dan Qawaid al-Fiqiyah di samping subjek-subjek lain berkaitan kewangan, dan perbankan.

"Keempat-empat kursus ini membolehkan graduan kewangan Islam mampu membuat keputusan berasaskan naqli (al-Quran dan Sunnah) dan aqli (akal) dalam sektor kewangan Islam.

"Adalah penting program kewangan Islam yang ditawarkan oleh universiti-universiti mempunyai penghayatan yang mendalam terhadap Islam kerana ia saling berkait rapat. Kegagalan penghayatan Islam dalam program ini akan menyebabkan banyak perkara meragukan wujud dalam kewangan Islam seperti gharar (ketidaktentuan), riba (faedah, bunga) dan sebagainya," katanya.

Ujar Mohd Faisal, walaupun program kewangan Islam antara kursus yang agak baharu ditawarkan berbanding program perakaunan, pengurusan perniagaan, ekonomi, muamalat, pemasaran, dan beberapa program lain, namun bilangan pelajar yang memohon untuk mengikuti program ini semakin meningkat.



MOHD FAISOL